

20 SEP 2002

SEMBILAN PESERTA PERDENGAR BACAAN PADA MALAM KEDUA TILAWAH AL-QURAN

KEPALA BATAS, 20 Sept (Bernama) -- Seramai sembilan qari dan qariah memperdengarkan bacaan pada malam kedua Majlis Tilawah al-Quran peringkat kebangsaan ke-45 di Dewan Milenium di sini malam ini.

Qari yang memperdengarkan bacaan ialah Ahmad Faizul Ghazali dari Pahang, Ali Mohamad (Perak), Haji Ismail Hashim (Perlis), Raihan Harun (Pulau Pinang) dan Hasbullah Haji Sabri (Sarawak).

Qariah pula terdiri Siti Hatijah dari Sabah, Maziyah Md Sah (Melaka) Melaka, Haniyah Salwana Abdul Rahim (Pulau Pinang) dan Hajah Salina Haji Ali (Sarawak).

Sembilan orang lagi qari dan qariah akan memperdengarkan bacaan malam esok.

Dua qari iaitu Abdul Rashid Abdul Rahman dari Melaka dan Abdul Aziz Mohamad dari Kelantan serta qariah dari Kedah Che Ah Jamaluddin telah memperdengarkan bacaan pada malam perasmian semalam.

Tilawah al-Quran Peringkat Kebangsaan ke-45 akan berlangsung selama lima malam sehingga Isnin ini telah dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang mewakili Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Tema tilawah tahun ini ialah "Bersama Menghayati Keindahan Islam".

-- BERNAMA

AHM RHM